

Sumber air negara semakin 'surut' akibat pencemaran

Hanya 23 sungai bersih

KUALA LUMPUR 19 Julai – Angka dosa manusia kepada sungai, daripada lebih 1,800 sungai di seluruh negara hanya 23 batang yang masih bersih dengan airnya boleh diminum begitu sahaja tanpa rawatan.

Malah, ironinya, kesemua 23 sungai itu masih terpelihara dan bebas daripada pencemaran berikutan lokasinya di dalam hutan dan pedalaman yang jauh daripada sebarang aktiviti manusia.

Maknanya, jika sungai-sungai tersebut berhampiran penempatan manusia atau pusat industri, nasibnya akan sama dengan ribuan sungai lain yang sudah tercemar dan perlukan rawatan atau pemulihan.

Data sehingga Disember 2008 mengenai tahap kebersihan sungai itu terkandung dalam Laporan Kualiti Alam Sekitar 2008 dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang turut mengkategorikannya dengan Tahap 1 hingga 5 berdasarkan kadar pencemaran airnya.

Perlu ditegaskan, tidak mustahil sungai-sungai pada Tahap 1 mengikut indeks kualiti air (WQI) itu juga akan tercemar akhirnya memandangkan manusia kini semakin rakus meneroka hutan atas nama pembangunan.

Perbandingannya, dalam tempoh sama, 263 sungai diletakkan pada Tahap 2 iaitu airnya memerlukan rawatan biasa sebelum boleh diminum. Selebihnya adalah dalam Tahap 3, 4, 5.

Kini di Malaysia hanya terdapat 76 lembangan sungai yang bersih pada Tahap 1 dan Tahap 2 pada tahun 2008 berbanding 143 lembangan yang terdapat di seluruh negara.

Jumlah itu lebih rendah berbanding pada 2007 yang mana terdapat 91 lembangan sungai bersih pada Tahap 1 dan Tahap 2.

Negeri yang mempunyai sungai bersih pada Tahap 1 adalah Sabah, Perak dan Kedah dengan masing-masing mempunyai lima sungai bersih Tahap 1.

Di Pahang dan Johor pula terdapat masing-masing tiga dan dua sungai bersih.

Laporan JAS tersebut menegaskan, fenomena sungai bersih semakin ber-

MUKADIMAH

JIKA Siri 1 Laporan Khas *Utusan Malaysia* semalam mendedahkan hampir 2,000 tan sampah dikutip dalam sebulan hasil kerakusan tangan-tangan manusia, pendedahan Siri 2 hari ini menampilkan implikasi buruk yang terpaksa dihadapi negara ekoran keadaan itu.

Tahukah anda, semakin hari negara semakin kekurangan sumber air bersih? Berdasarkan kajian Jabatan Alam Sekitar (JAS), pada masa ini negara hanya memiliki 23 sungai bersih pada Tahap 1 di seluruh negara.



LAPORAN KHAS

Kajian turut mendapati hanya terdapat 76 lembangan sungai yang bersih pada Tahap 1 dan Tahap 2 pada tahun 2008.

Semua ini ekoran perbuatan manusia termasuk pengusaha kilang yang sewenang-wenangnya

membuang sampah dan sisa kumbahan ke sungai. Malah sesetengah pengusaha kilang lebih rela didenda sehingga RM100,000 daripada mematuhi prosedur pembuangan sisa industri.

Wartawan **MUHAMAD AMIRUL AFIQ MAS-TOR**, **AZRAI MOHAMMAD** dan **ROSALINDA MD. SAID** bersama jurugambar **AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN** dan **DJOHAN SHAHRIN SHAH** cuba mencari penyelesaian kepada isu sungai tercemar dan sikap masyarakat suka membuang sampah ke parit atau sungai.



KERJA-KERJA mengorek pasir yang semakin berleluasa termasuk di Sungai Buloh, Selangor juga boleh menjadi penyumbang kepada pengaliran air kotor dan tumpahan minyak ke sungai-sungai berdekatan.

kurangan berlaku akibat peningkatan sumber-sumber pencemaran disebabkan aktiviti manusia yang mendiami sekitar kawasan sungai.

Ini terutama pembuangan sisa do-

mestik dan pertanian secara terus serta aktiviti penternakan terutama babi yang terlalu hampir dengan sungai.

Keadaan sistem pertanian dan penternakan tidak sistematik menyebab-

kan sisa-sisa kumbahan tersebut mengakibatkan berlakunya pencemaran kepada sungai yang dahulunya bersih.

Fenomena ini juga bukan satu perkara baru kerana banyak kawasan

pedalaman diterokai dan diceroboh bagi aktiviti pembalakan dan perladangan.

Pengarah Pengurusan Lembangan Sungai dan Zon Pantai, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ong Siew Heng memberitahu *Utusan Malaysia*, sekiranya 23 sungai bersih yang tinggal itu tidak dijaga dengan baik, tidak lama lagi tiada langsung sumber air bersih asli di negara ini.

“Nampaknya rakyat kita masih kurang kesedaran tentang pentingnya memelihara sungai.

“Malah mereka anggap pencemaran hanya berlaku jika sampah sarap atau bahan buangan dicampakkan ke sungai. Sedangkan jika mereka buang merata-rata di longkang di hadapan rumah pun, akhirnya sampah itu akan dihanyutkan ke sungai juga,” katanya.

Siew Heng mengulangi kenyataannya semalam bahawa peruntukan RM150 juta yang diberi kerajaan kepada JPS untuk pembersihan sungai tidak diperlukan langsung jika semua sungai di negara ini pada tahap bersih.

“Ramai anak yatim boleh dapat bantuan, ramai pelajar yang cerdas pandai yang boleh dapat biasiswa dan pelbagai pertolongan lagi boleh dihulurkan oleh kerajaan kepada rakyat dengan duit sebanyak itu.

“Sebab itu, saya menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia supaya mengembalikan semula kebersihan sungai-sungai kita, ia adalah hak warisan kita pada masa akan datang” ujarnya.